

# TEORI-TEORI TERMINOLOGI: DESKRIPSI, PRESKRIPSI DAN PENJELASANNYA<sup>1</sup>

*M. Teresa Cabré Castelli*

## Abstrak

Sejak beberapa dekad yang lalu, teori terminologi telah menjadi subjek perdebatan dalam beberapa perbincangan. Makalah ini akan melihat sebab-sebab topik ini telah mendapat perhatian banyak pihak lewat waktu ini. Penulis akan membincangkan teori yang dikembangkan oleh Wüster dan menganalisis motivasi yang terselindung di sebalik teori ini. Kemudian penulis akan menjelaskan sebab-sebab teori Wüster ini tidak dipersoalkan atau dicabar buat sekian lama, dan seterusnya memperlihatkan sebab-sebab lahirnya suara-suara kritikal akhir-akhir ini, termasuklah pandangan tradisional dan moden. Penulis juga akan meneliti penerimaan idea baharu dalam terminologi, dan seterusnya mengemukakan definisi teori terminologi dengan meneliti isu penting seperti penerimaan sesuatu teori, dan memberikan pandangan dalam perdebatan ini.

Kata kunci: Teori terminologi, sejarah terminologi, Teori Umum Terminologi, Teori Komunikatif Terminologi.

## Abstract

*During the past decade, the theory of terminology has been a subject of debate in various circles. This article examines some of the reasons why this topic has been receiving so much interest lately. I will first discuss the theory developed by Wüster and analyse the motivations behind his model. Then, I will explain why the Wüsterian theory was*

---

1 Makalah asal berjudul "*Theories of Terminology: Their Description, Prescription And Explanation*". Diterjemahkan oleh Puteri Roslina Abdul Wahid, Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

*not questioned or challenged for a long time. This will lead us to the reasons why so many critical voices have been raised recently, both from inside traditional viewpoints and outside. I will also look at the reception these new ideas have had in terminology circles. Finally, I will present my own definition of a theory of terminology, by examining important issues such a theory should take into account and see what I can offer to this debate.*

*Keywords: theory of terminology, history of terminology, General Theory of Terminology, Communicative Theory of Terminology.*

## PENDAHULUAN

Setelah beberapa lama tanpa kegiatan perbincangan tentang teori terminologi, agak mengejutkan apabila kritikan terhadap teori yang sedia ada, dan saranan alternatif bagi menggantikan teori tradisional mula timbul. Gerakan ini terbukti melalui penganjuran seminar pada tahun 2003 yang menumpukan perhatian kepada pembentukan semula asas teori terminologi yang tersendiri atau kontras dengan linguistik dan leksikografi, khususnya *Bengkel tentang Teori Terminologi* di Kongres Antarabangsa Ahli Linguistik di Prague, Simposium LSP Eropah ke-15 di Surrey, kolokium tentang *Terminologi sebagai Satu Disiplin Sainifik* di Paris, *Pertemuan Meja Bulat* tentang teori terminologi di Kongres Persatuan Linguistik Portugis di Lisbon dan seminar tentang terminologi dan leksikografi dianjurkan oleh Pertubuhan Terminologi Eropah, juga di Lisbon.

Banyak penerbitan telah diterbitkan tentang tajuk ini dalam tempoh 15 tahun lalu. Hal ini agak kontras dengan perkembangan 30 tahun sebelum itu, antaranya ialah Gaudin (1993), *Cahiers de Linguistique Sociale* (1991) Jilid 18, prosiding kolokium terminologi, iaitu *Terminologie et Intelligence Artificielle (TIA)* (1995, 1997, 1999, 2001), Cabré (1999b), prosiding yang disunting oleh Cabré (1999c) dan Cabré dan Feliu (2001a), hasil daripada seminar musim panas yang diadakan di Universiti Pompeu Fabra, Barcelona, *Terminologies Nouvelles* No. 21, berjudul *Terminologie et diversité culturelle*, satu jilid esei yang disunting oleh Béjoint dan Thoiron (2000), dan khususnya penulisan oleh Temmermen (2000).

Sebelum pertemuan pada tahun 2003, terdapat dua seminar yang telah membincangkan teori terminologi yang amat bermakna. Selari dengan perkembangan penerbitan tersebut, iaitu seminar terhadap tentang teori terminologi yang dilaksanakan di Barcelona pada Januari 1999, kertas kerja yang diterbitkan dalam *Terminologi* (1998/1999) dan seminar *Terminology*

*Science at The Crossroads* yang diadakan di Vasa pada 2001 sebagai sebahagian daripada *European LSP Symposium*, diterbitkan dalam *Terminology of Science & Terminology Research* Jilid 13 (2002).

Seminar di Barcelona telah mengumpulkan ahli linguistik, psikologi, sejarah sains dan falsafah yang telah menerbitkan banyak tulisan mengkritik teori tradisional yang diwakili oleh hasil kerja E. Wüster. Seminar di Vasa pula mengumpulkan penyokong teori tradisional dengan tujuan untuk menganalisis makna dan signifikan kewujudan pendapat kritikal. Pakar terminologi juga mempunyai pandangan yang kritikal tentang hasil kerja Wüster, dan mencadangkan suplemen bagi memperbaiki kekurangan teori tersebut.

Kedua-dua seminar tersebut membawa kepada beberapa kesimpulan. Pertama, keperluan bagi membentuk satu teori tentang unit terminologikal, bukannya terminologi semata-mata. Teori ini akan menjelaskan kekompleksan istilah – metafora bagi satu polihedron yang digunakan dalam konteks komunikatif sebenar dan pelbagai. Kedua, seminar ini tidak mengambil kira pandangan kritikal daripada luar kerana dikatakan bahawa mereka tidak mengetahui tentang hasil kerja Wüster, atau tidak mempedulikan penerbitan penyokong-penyokongnya. Juga dikatakan bahawa budaya dan tradisi linguistik membentuk halangan kepada persefahaman antara kedua-dua belah pihak.

Kertas ini akan secara ringkas menjawab beberapa persoalan yang berikut:

1. Mengapakah Wüster membentuk teori ini?
2. Mengapakah banyak masa terbuang sebelum sumbangan inovatif terhadap teori ini dilakukan?
3. Mengapakah secara tiba-tiba, banyak suara kritikal ditimbulkan daripada kedua-dua golongan tradisional dan bukan tradisional?
4. Bagaimanakah penerimaan idea baharu ini?
5. Apakah jenis teori yang diperlukan bagi terminologi?
6. Apakah sumbangan penulis dalam perdebatan ini?

### **1. Mengapakah Wüster membentuk teori ini?**

Wüster (1898–1977) seorang jurutera yang mempunyai minat yang tinggi dalam sains maklumat, juga aktivis Esperantis, dan pendukung komunikasi profesional, melahirkan teori ini berasaskan pengalaman terminografiknya dalam menyusun *The Machine Tool: An Interlingual Dictionary of Basic Concepts* (Wüster, 1968), sebuah kamus istilah yang disusun secara

sistematik dalam bahasa Perancis dan Inggeris (dengan suplemen bahasa Jerman) sebagai model bagi kamus teknikal pada masa akan datang. Projek ini ditaja oleh Organisasi untuk Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan diterbitkan pada tahun 1968.

Adalah amat wajar penghargaan diberikan kepada Wüster yang telah mengabdikan diri kepada bidang terminologi. Beliau mempunyai beberapa tujuan dalam penghasilan kerjanya, iaitu:

1. Menghindarkan ketaksaan dalam bahasa teknikal melalui penstandardan terminologi dalam usaha menjadikannya sebagai alat komunikasi.
2. Meyakinkan pengguna bahasa teknikal tentang kebaikan penstandardan terminologi.
3. Mengukuhkan terminologi sebagai disiplin bagi tujuan praktikal dan memberikannya status sebagai disiplin sains.

Dalam usaha mencapai objektif tersebut, beliau telah menggariskan tiga tugas utama, iaitu:

1. Pembentukan prinsip penstandardan terminologi antarabangsa bagi penghuraian dan perakaman istilah.
2. Perumusan satu prinsip umum terminologi yang pada mulanya dilihat sebagai cabang bidang linguistik terapan tetapi kemudiannya dikatakan mempunyai autonominya tersendiri sebagai satu bidang kajian (perlu diingat bahawa Wüster sendiri tidak berbicara tentang *theorie* – perkataan Jerman yang sedia ada dan kerap digunakan – tetapi selalunya merujuk kepada perkataan *Lehre* yang membayangkan garis panduan praktikal berbanding pendekatan teoretikal bagi sesuatu subjek).
3. Pembentukan sebuah pusat antarabangsa bagi pengumpulan, penyebaran dan koordinasi maklumat tentang terminologi, kemudiannya dikenali sebagai *Infoterm*, di bawah tajaan UNESCO.

Namun demikian, pendekatan teori linguistik pada zaman Wüster amat terhad dan berorientasikan aspek formal bahasa untuk membolehkan pertimbangan kekhususan aspek semantik tanda khusus. Hal ini menjelaskan sebab-sebab yang menyedarkan Wüster bahawa *Terminologielehre* sebagai satu disiplin yang berautonomi sebagaimana yang ditegaskan dalam tulisan beliau, iaitu “*Die allgemeine Terminologielehre – Ein Grenzgebiet zwischen*

*Sprachwissenschaft, Logik, Ontologie, Informatik un den sachwissenschaften*” (Wüster, 1974).

Banyak penulisan beliau yang menyuarkan pandangan ini. Tulisan yang memperlihatkan kesungguhan prinsip Wüster ini diketengahkan telah diusahakan oleh H. Felber berdasarkan nota-nota Wüster (1972–1974). Penerbitan ini dikenali sebagai *Einführung in die allgemeine Terminologielehre und terminologische Lexikographie* pada tahun 1979. Karya ini diterjemahkan sebagai *The General Theory of Terminology* dalam bahasa Inggeris dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis dan Sepanyol. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengkritik teori tradisional terminologi memetik buku ini sebagai tulisan terbaik yang mewakili pemikiran Wüster, dan sering merujuk kepada penerbitan tersebut apabila memberikan pandangan atau rujukan. Buku ini menekankan perbezaan terminologi dan linguistik dari beberapa sudut, iaitu:

- a. Berkenaan dengan bahasa
  - Keutamaan konsep.
  - Kebersihan konsep (monosemi).
  - Keunivositian istilah (ketiadaan sinonim).
  - Konsepsi designasi semiotik.
  - Kecenderungan terhadap leksikon, mengetepikan aras linguistik yang lain.
  - Keadaan sinkronik istilah.
  - Keutamaan bahasa tulisan.
- b. Berkenaan dengan andaian tentang evolusi
  - Pengawasan sadar evolusi (melalui perancangan, penyatuan, penstandardan).
  - Keutamaan kepada bentuk designasi antarabangsa.
  - Kecenderungan kepada bahasa tulisan sahaja.
- c. Berkenaan dengan kaedah kerja

Penggunaan secara eksklusif pendekatan onomasiologikal (yang kontras dengan pendekatan leksikografi semasiologikal) dan mengutamakan penyusunan sistematik.

Sekiranya kita mengambil penerbitan buku tersebut sebagai titik rujukan, jelaslah bahawa hal ini memperlihatkan usaha ini akan menjarakkan lagi perbezaan antara terminologi dengan linguistik untuk mencapai satu disiplin autonomi bagi objek yang tidak lagi diistilahkan sebagai unit bahasa natural, tetapi konsep yang digolongkan dalam gugusan fitur antarabangsa

yang dilahirkan melalui lambang yang sama bagi sistem linguistik dan bukan linguistik yang berbeza.

Kunci bagi kedudukan ini terletak pada andaian bahawa konsep itu universal, bebas daripada perbezaan budaya dan sebagai akibat satu-satunya variasi yang mungkin merupakan hasil daripada kepelbagaian bahasa. Bagi Wüster, ahli sains dan teknikal bagi sesuatu bahasa dicirikan, atau seharusnya dicirikan, sebagai satu bidang subjek yang sama agar perbezaan yang mungkin timbul merupakan hasil daripada perbezaan bahasa atau penggunaan designasi alternatif bagi objek yang sama. Sebarang perbezaan akan menyebabkan kekeliruan dalam komunikasi profesional. Oleh itu, Wüster bertegas untuk mencadangkan satu bahasa bagi komunikasi teknikal dan saintifik. Pada suatu ketika, beliau pernah mencadangkan bahasa Esperanto, beliau menganggap usaha tersebut sebagai satu penyelesaian kepada masalah penstandardan designasi sinonim dalam interlingual dan intra-lingual.

Wüster mengembangkan konsepsinya tentang terminologi berasaskan pengalamannya sebagai seorang jurutera yang terlibat dalam penstandardan terminologi peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang memerlukan kaedah penstandardan yang efektif bagi objek fizikal, prosedur, dan pengukuran dalam cabang kejuruteraan. Beliau mendapat banyak pengalaman sewaktu menyusun kamus pelbagai bahasanya bagi istilah teknikal yang standard. Inferens teoretikalnya berasaskan pemerhatian bahagian bahasa teknikal yang terhad ini – istilah teknikal yang distandardkan berdasarkan persetujuan bersama tentang satu penyatuan konsep. Pengalamannya yang terhad kepada bidang teknikal sahaja menjelaskan sebab-sebab pendekatannya terhadap terminologi dan inti pati pendirian teoretikalnya. Atas sebab inilah, penulis pernah menulis bahawa teori yang dikembangkan oleh Wüster tentang terminologi seharusnya untuk menjamin ketidaktaksan dalam komunikasi pelbagai bahasa, dan bukan tentang kepelbagaian dan kejamakan terminologi.

Berhadapan dengan kritik ini, pengikut Wüster masih berpendirian bahawa Teori Umum Terminologi dikembangkan hasil daripada sumbangan terkemudian yang diujahkan mereka dapat menghindarkan kritikan terhadap model tersebut. Sumbangan inilah yang telah memberikan komplemen dan penyesuaian terhadap idea Wüster. Hal ini dapat dilihat daripada butir-butir di bawah:

- Objektif penstandardan antarabangsa diperluas dengan mencadangkan perkembangan terminologi sebagai sebahagian daripada perancangan bahasa.

- Kewujudan sinonim dalam keadaan terkawal. Kajian Wüster sebelum ini juga mempertimbangkan pandangan ini.
- Penerimaan sinonim pada tahap tertentu walaupun seboleh mungkin dielakkan.
- Fraseologi ditambah dalam kajian terminologi.
- Makna bahasa lisan diterima dalam konteks perancangan bahasa.
- Model ini dijadikan lebih dinamik dengan memperkenalkan huraian proses pembentukan istilah baharu.
- Perwakilan struktur konsep susunan bukan hierarki diperkenalkan.

Sebaliknya, butiran yang tidak diperbaharui ialah:

- Keutamaan konsep daripada designasi, dan juga keautonomiannya.
- Keipersisan konsep (monosemi), dengan pengecualian dibenarkan kepada parameter klasifikasi.
- Konsepsi designasi semiotik.

Daripada andaian-andaian tersebut tentang evolusi, jelas kelihatan pengiktirafan bahawa terminologi terapan tidak semestinya preskriptif. Walau bagaimanapun, butiran yang masih dikekalkan ialah:

- Keperluan preskripsi dalam aplikasi yang bertujuan untuk penstandardan dan perancangan bahasa.
- Pengawalan evolusi yang sengaja (perancangan, penyatuan, penstandardan).
- Keutamaan kepada bentuk designasi antarabangsa.
- Pengehadan kepada bentuk tulisan walaupun terminologi bagi perancangan bahasa.

Dengan pengekalan keutamaan terhadap konsep, metodologi terminologi akan terusterhad kepada pendekatan onomasiologikal.<sup>2</sup>

## **2. Mengapakah banyak masa terbuang sebelum sumbangan inovatif terhadap teori ini dilakukan?**

Penulis berpandangan, sehingga kini terminologi tidak banyak memanfaatkan perkembangan ilmu dalam disiplin lain. Bidang sains telah berkembang melalui konfrontasi dan interaksi, perbandingan hipotesis dengan objek empirikal, cadangan dan teori alternatif, dan akhirnya melalui

---

2 Lihat Myking (2001).

penilaian tentang kebolehterimaan teori-teori ini. Dalam kewajaran ini, terminologi tidak mempunyai perkembangan yang sekata. Penulis berpandangan bahawa hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa alasan yang akan dihuraikan di bawah.

Alasan pertama ialah bidang ini masih baharu. Penerimaan terminologi sebagai satu disiplin merupakan usaha Wüster dan pemikir pada zaman itu. Selain impak tesis kedoktoran Wüster pada tahun 1930-an, kita perlu melihat proses yang berlaku pada tahun 1950-an. Genesis sebarang disiplin sering kali ditandai oleh perbincangan rinci institusi idea asas dalam usaha untuk menyatukan idea ini sebagai satu disiplin.

Alasan kedua dan yang lebih penting ialah sehingga kini, tidak ada sebarang perbincangan yang serius tentang idea asas tersebut. Selama lebih kurang 50 tahun yang lalu, tidak terdapat sebarang kertas perbincangan yang substantif dan mencukupi disebar untuk mengayakan premis teoretikal dengan pendirian hujahan alternatif.

Alasan ketiga ialah dalam tempoh dua dekad yang lalu, perbincangan tentang teori semakin berkurang dan sekadar tertumpu pada perbincangan tentang penerimaan sesuatu teori pada tahap yang membenarkan deskripsi objek dan seterusnya deskripsi data yang dilihat dapat memanifestasikan objek. Hal ini dapat menjelaskan keganjilan dalam evolusi terminologi.

Alasan keempat ialah ketiadaan sebarang konfrontasi pendapat secara terbuka. Selama beberapa tahun, apa yang wujud hanyalah forum bagi perbincangan teoretikal tentang terminologi yang diselenggarakan oleh institusi tertentu agar terdapat kawalan secara implisit dan eksplisit bagi sebarang tentangan. Tambahan pula, pusat ini mewakili penubuhan prinsip asas sebagai sesuatu yang tidak boleh dicabar.

Alasan kelima ialah ketiadaan minat dalam terminologi oleh pakar bidang daripada cabang bidang sains, misalnya linguistik, psikologi, falsafah, dan sejarah sains, malah bidang komunikasi dan kajian wacana. Hal ini menjelaskan sebab-sebab wujudnya kehomogenan dalam prinsip yang telah diperkenalkan. Bagi beberapa tahun yang lalu, terminologi memperlihatkan kewujudannya sebagai amalan yang mudah untuk memuaskan keperluan khusus atau sebagai satu bidang pengetahuan yang mempunyai lambang tetapi lambang tersebut tidak mempunyai kaitan dengan bahasa. Kecuali hasil tulisan Slodzian (1993,1995), pakar bidang falsafah sains juga menjauhkan diri daripada kontroversi tersebut.

Alasan keenam ialah yang berkaitan dengan sebab sebelum ini, iaitu ketiadaan teori yang cukup kukuh dalam bidang ini. Terdapat banyak perkara tentang terminologi pernah dibincangkan tetapi kebanyakannya oleh



pengamal subjek bidang lain yang mempunyai objektif untuk menyelesaikan masalah tertentu dalam bidang mereka seperti bidang penterjemahan, wacana khusus, dan usaha mendapatkan kembali maklumat dan pengajaran. Tidak banyak yang berminat dalam bidang ini melihatnya dari sudut pandangan terminologi sebagai satu bidang ilmu. Malah dalam kes tertentu, gambaran teoretikal dikatakan tidak dapat membantu aplikasi amali.

Alasan yang ketujuh ialah cara kritikan terhadap pendekatan tradisional itu diterima, kebanyakannya dikatakan bertujuan untuk mensabotaj penubuhan teori terminologi. Oleh itu, sehingga kini tidak terdapat sebarang usaha untuk memperkatakan teori tersebut di luar kumpulan yang sedia ada secara sedar atau tidak sedar. Idea atau pandangan yang tidak selari dengan pendirian terminologi “rasmi” telah diketepikan.

Jelas sekali bahawa terdapat bukti yang menunjukkan amalan terminologi di luar konteks penstandardan memperlihatkan bahawa ketidak-samaan antara data dengan sesetengah prinsip teori yang ada. Walaupun dalam konteks bahasa minoriti, amalan terminologi berdasarkan bukti sosiolinguistik menunjukkan kurangnya kesedaran tentang kontradiksi antara teori dengan amalan atau disebabkan perbezaan terhadap premis teoretikal. Terminologi nampaknya berterusan dalam laluan yang homogen dan jelas. Penulis akan memotivasikan sikap defensif ini melalui tiga cara, iaitu:

1. Adanya keperluan untuk menumpukan usaha penyatuan dan legitimasi satu disiplin baharu yang dimulakan oleh Wüster dan diteruskan oleh organisasi yang diasaskan oleh beliau.<sup>3</sup>
2. Adanya keperluan untuk mengekalkan kawalan terpusat terhadap teori terminologi dalam usaha untuk mengelakkan suara tentangan yang akan menyebabkan kesukaran bagi mengiktiraf terminologi sebagai satu disiplin.<sup>4</sup>
3. Dalam usaha untuk mengawal kehomogenan metodologikal yang diperkenalkan oleh Wüster, dan diterapkan ke dalam penstandardan

---

3 Untuk membuktikan hal ini, seseorang itu hanya perlu menyemak nama-nama yang biasa dijemput untuk menyertai perbincangan sebagai pengucap utama atau penceramah bagi acar yang dianjurkan oleh Infoterm, atau perhatikan ketidakhadiran nama-nama pakar di luar lingkungan rasmi dalam penerbitan yang diusahakan oleh pusat terminologi ini.

4 Buku penulis yang diterbitkan pada 1992, diterjemahkan ke dalam bahasa Sepanyol pada tahun 1993, diterbitkan dalam bahasa Inggeris pada tahun 1999, merupakan kontradiksi antara amalan sosial dengan prinsip sosial.

antarabangsa pelbagai bahasa, sebarang usaha untuk mengubah metodologi tersebut akan diketepikan. Pendirian ini jelas sekali apabila kurangnya usaha untuk membentuk kaedah kerja baharu kecuali bagi yang memerlukan amalan praktikal.<sup>5</sup>

### **3. Mengapakah secara tiba-tiba banyak suara kritikal ditimbulkan, daripada kedua-dua golongan tradisional dan bukan tradisional?**

Sudah menjadi hukum alam, tempoh bagi pembendungan dan penumpuan biasanya diikuti oleh pengembangan dan pembangunan. Hal ini berlaku dalam sejarah terkini terminologi. Pembendungan yang berlaku pada tahun 1960-an, 1970-an dan 1980-an telah menyebabkan manifestasi idea yang pelbagai pada tahun 1990-an dan buat pertama kalinya berlaku pada abad ini.

Kemunculan pandangan ini memberikan sumbangan terhadap pengukuhan terminologi sebagai satu disiplin saintifik. Penulis berpandangan bahawa semua sumbangan ini dapat diterima. Kemungkinan terdapat beberapa pernyataan kritikal akan ditolak disebabkan kelemahan hujahan saintifik, ada yang diketepikan kerana tidak relevan, tetapi banyak pandangan yang dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan dan pengukuhan terminologi sebagai satu bidang ilmu. Malah walaupun kritikan itu perlu bagi perkembangan bidang saintifik sesuatu disiplin, kelihatan kritikan terhadap terminologi nampaknya tidak begitu tepat seperti kata Budin:

“Bertentangan dengan standard etika dalam bidang sains, sebagaimana diamalkan dalam semua disiplin, termasuklah bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan, sesetengah pihak<sup>6</sup> nampaknya tidak mengendahkan penerbitan makalah atau monograf yang boleh dibaca dalam bahasa Inggeris dan bahasa lain yang sebenarnya memberikan sumbangan terhadap pembentukan bidang terminologi sebagai bidang sains. (Budin, 2001:18).”

---

5 Bagi Wüster, konsolidasi sesuatu disiplin telah dimanifestasikan melalui penerbitan khusus tentang subjek dan acara, program, kursus yang dianjurkan oleh pelbagai pihak; polisi ini masih lagi dipertahankan oleh kumpulan penggantinya.

6 Kawalan ini telah dilaksanakan oleh pihak Vienna melalui organisasi “antarabangsa” yang pada masa ini merangkumi kumpulan global (<http://linux.infoterm.org>) like Infoterm, IITF, TermNet dan TKE, acara seperti kursus musim panas oleh IITF dan Infoterm, kongres seperti TKE, TAMA, dll. Dan penerbitan seperti *Terminology Science and Research* dan siri-siri penerbitan oleh Infoterm.

Kritikan terhadap teori tradisional terminologi berpunca daripada tiga pihak, iaitu sains kognitif, sains bahasa, dan sains komunikasi.

Psikologi kognitif dan falsafah telah menekankan kesukaran untuk menggariskan pemisahan yang jelas antara pengetahuan umum dengan pengetahuan khusus, dan telah menunjukkan bagaimana pengetahuan umum menyumbang kepada pemerolehan pengetahuan khusus. Mereka juga menjelaskan bahawa bahagian yang paling penting yang dimainkan oleh interlokutor dalam konstruksi pengetahuan melalui wacana dan mana-mana budaya (walaupun budaya saintifik) dalam hubungannya dengan persepsi realiti.

Sains bahasa, khususnya linguistik dan sosiolinguistik telah mempersoalkan pembahagian jujud bahasa umum dan bahasa khusus, dan telah memeriksa asas bahasa khusus sosial dan merumuskan hipotesis yang menghasilkan model yang dapat mengintegrasikan bahasa umum dengan bahasa khusus. Dalam sains bahasa, semantik dan pragmatik memainkan peranan utama. Tambahan pula, bagi aspek formal, model linguistik perlulah sesuai bagi terminologi yang turut mengambil kira aspek kognitif dan fungsional. Linguistik teks dan linguistik korpus memberikan kerangka tatabahasa yang diperluas melampaui batasan ayat linguistik struktural dan model generatif standard.

Sains komunikasi telah mengembangkan senario komunikasi yang pelbagai dan mencadangkan model dalam bentuk kerangka yang mengkhususkan komunikasi dalam integrasi sebagai satu set pilihan dalam skema tunggal, berbanding dengan melihatnya sebagai satu jenis komunikasi yang berbeza. Kajian analisis wacana semakin cenderung kepada wacana khusus dan perwakilan sosial serta penyebarannya.

Akhirnya, dalam tempoh dua dekad yang lalu, banyak pertubuhan peringkat kebangsaan, wilayah, rangkaian terminologi transnasional dan transwilayah tumbuh dengan banyaknya di Eropah, Amerika Latin, Afrika, dan Asia. Pertambahan kegiatan pertemuan, peluang latihan, dan penerbitan juga semakin meningkat.<sup>7</sup> Kepimpinan kumpulan-kumpulan ini sering

---

7 Hasil sikap ini ialah untuk beberapa tahun kelihatan inovasi dalam terminologi hanyalah boleh dilakukan dalam teknologi aplikasi dan yang berkaitan dengannya. Impak eksplosif terminologi di Quebec dalam arena antarabangsa telah membawa kepada metodologi yang sesuai bagi perancangan bahasa. Kebetulan, Quebec tidak pernah diterima sebagai satu aliran oleh sekolah Vienna. Keperluan kepada metodologi yang berorientasikan perancangan bahasa bagaimanapun akhirnya telah diiktiraf bagi kes-kes negara-negara Scandinavia dan baru-baru ini negara-negara Baltik. Untuk perhatian jilid terbitan pada tahun 1992 dalam siri penerbitan IITF yang telah mengumpulkan kertas kerja yang

mengabaikan kewujudan organisasi lain dan terus mengikut pola perilaku lazim organisasi antarabangsa yang memiliki gaya pengurusannya tersendiri.

#### 4. Bagaimanakah penerimaan idea baharu ini?

Reaksi pusat tradisional yang dominan dalam penyebaran idea terminologi begitu pantas. Kata-kata Myking di bawah menunjukkan keprihatinan bagi kedominanan terminologi ini:

Satu potensi bahaya yang perlu dihindarkan ialah perbezaan pendirian epistemologikal dan paradigmatic yang menghalang amalan kerjasama, yang akan membawa kepada pemisahan rangkaian dan kurang hubungan antara komuniti wacana terminologi. Untuk menghindarkan hal demikian berterusan, kita perlu, sekurang-kurangnya cuba untuk membaca sumbangan setiap orang. (Myking, 2001:63).<sup>8</sup>

Kebiasaannya, kritikan dilihat sebagai satu tujuan menolak tanpa hujahan yang tepat, dan alasan bagi suara tentangan kumpulan tertentu untuk mencari kedudukan mereka, misalnya ketidaksesuaian polisi terminologi bagi negara pengkritik.<sup>9</sup>

Kekurangan swakritik oleh kumpulan Vienna apabila berhadapan dengan kritikan luar merupakan sesuatu yang agak menghairankan. Reaksi pertama mereka adalah untuk menanggapi tentangan terhadap doktrin sebagai serangan akibat kejahilan tentang pegangan asal (kekurangan kajian hasil kerja Wüster, sekurang-kurangnya dalam bahasa asal) atau sumbangan terkemudiannya.

Penulis berpandangan bahawa penumpuan terhadap perkembangan teoretikal dan penyebaran premis teoretikal oleh satu kumpulan atau kumpulan-kumpulan sebagai amalan latihan dalam sesuatu organisasi telah menyebabkan timbulnya salah faham. Sifat defensif tersebut dapat dihurai-kan berdasarkan tiga garis utama, iaitu:

- a. Pandangan negatif yang pada mulanya paling kuat tetapi lebih merupakan serpihan sahaja setelah mengumpulkan penolakan tidak berasas dan ketidakpedulian kewujudan penentang.

---

dibentangkan di International Conference on Terminology Science and Terminology Planning (Rita, 1992) disunting oleh Kewley-Draskau dan Picht.

8 G. Budin tidak menyebut sebarang nama.

9 Pada masa ini, negara-negara yang menggunakan bahasa Romawi agak aktif ke arah ini.

- b. Pandangan konstruktif, pada pandangan penulis mempunyai dua versi, iaitu pertama, bergiat secara positif dalam menyemak semula teori tersebut dan menilai pandangan penentangannya; kedua, kumpulan yang cuba memperhalus interpretasi karya asal Wüster dalam usaha untuk melenyapkan pandangan pengkritik.
- c. Pandangan kebarangkalian yang memanifestasikan diri mereka dengan menyemak semula karya asal dan karya lain dengan tujuan menarik perhatian kepada keperluan kerjasama dalam konstruksi teori yang sepadu dan luas yang dapat dipertanggungjawabkan kepada keseluruhan kompleksiti terminologi.

Pandangan terakhir inilah nampaknya dipersetujui oleh Budin apabila beliau mengatakan:

Walaupun banyak kritikan terhadap teori Wüster itu betul, pendekatan yang lebih konstruktif dan kordinatif untuk menilai dan membandingkan teori dan andaian dan hipotesis individu lebih produktif dalam usaha untuk membentuk teori terminologi dari sudut pandangan holistik dan pandangan yang lebih integratif. Kebetulan pula, banyak penyelidikan disertasi peringkat falsafah telah dilakukan pada tahun-tahun kebelakangan yang memberikan pendirian yang agak kritikal terhadap prinsip yang sedia ada, manakala pada masa yang sama, mereka membentuk model teoretikal yang memberikan sumbangan kepada pembentukan teori terminologi pada tahap yang lebih tinggi.”

(Budin, 2001:18)<sup>10</sup>

Dalam tulisan Myking (2001), beliau juga kelihatan mengambil pendirian yang sama. Beliau telah membincangkan sumbangan sosioterminologi terhadap konsep asal Wüster dan membentuk tiga jenis pendirian kritikal, iaitu:

- a. Moderat dan “setia” : misalnya Laurén, Myking dan Picht (1998).
- b. Radikal dan “subversif” : sosioterminologi, terminologi sosio-kognitif.
- c. Radikal dan “setia” : Bertha Toft (1998, 2001).

---

10 Amat menarik untuk diperhatikan bahawa tahun 2001 merupakan tahun pertama apabila pusat tradisional mulai menganalisis pandangan daripada luar. Kecenderungan untuk menimbang pandangan luar ini bermula kerana desakan untuk menilai semula kedudukan tradisional mula kuat dan menggugat aliran tradisional.

Menurut Myking, jenis yang pertama cuba memahami terminologi secara dekat dan cuba menyepadukannya dengan linguistik tanpa menyisihkan teoretikal dan metodologikal asas, khususnya hubungan onomasiologikal dengan konseptologi. Pendirian ini memerlukan pemahaman yang luas dan liberal tentang linguistik, terbuka kepada deskripsi semantik dan menjauhkan diri daripada strukturalisme dan generativisme tetapi pada masa yang sama bersuara untuk mengurangkan kejamaan antara terminologi dengan linguistik pada peringkat awal fasa terminologi tradisional.

Penulis juga memasukkan kumpulan kedua, yang menurut Myking, terus menolak terminologi tradisional. Ini mengakibatkan jurang antara terminologi tradisional dengan linguistik semakin luas. Kumpulan yang ketiga menekankan keperluan untuk mengkaji Wüster dalam usaha untuk komplemen dan menyesuaikan kejayaan beliau dengan kejayaan linguistik kognitif dan fungsional. Adalah penting untuk memerhatikan bahawa bagi Myking, satu-satunya perbezaan antara terminologi pertama dengan kumpulan seterusnya ialah kumpulan yang terkemudian mengatakan titik teoretikal sebagai asas pemisahan dengan kognitivisme, manakala yang terdahulu mengatakan ia berlaku secara eklektik.

Myking berpandangan bahawa pendapat antara pengikut kritikal Wüster dan pengkritiknya boleh dikesan daripada hasil kerja mereka, sama ada dalam persekitaran ekabahasa atau pelbagai bahasa. Budin mengatakan pendirian tersebut disebabkan orientasi praktikal, budaya dan persekitaran linguistik:

Dengan adanya fragmentasi dalam kalangan profesional, bidang dan kegiatan penyelidikan saintifik, terdapat satu lagi fragmentasi dalam kalangan linguistik komuniti dan perbezaan budaya. Walaupun amalan terminologi dijalankan secara global, kerana seluruh dunia mengamalkannya, di pelbagai negara dan dalam banyak bahasa, ahli terminologi dalam komuniti bahasa tidak menyedari tentang apa yang berlaku di daerah bahasa dan negara lain. Semua usaha yang telah dilakukan untuk memperkenalkan teori ini dalam bidang terminologi memperlihatkan orientasi yang cukup kuat ke arah penyelesaian masalah secara praktikal, dan memperkenalkan kaedah dengan justifikasi saintifik dalam usaha penyelesaian masalah ini secara lebih berkesan.

(Budin, 2001:14–15).

Atas alasan tersebut, Budin berpandangan bahawa perlu adanya pendekatan asas yang akan memudahkan penyelesaian masalah terminologi

komunikasi profesional yang bebas daripada kedudukan geografi dan bahasa.<sup>11</sup>

Myking pula mendapati bahawa terdapat banyak sebab bagi perpecahan pendapat ini dan beliau telah mengenal pasti tiga jenis pandangan kritikal,

Hal ini selari dengan perbezaan motivasi praktikal, yakni perancangan bahasa (satu bahasa) dalam kes (b) yang kontras dengan kecenderungan minat terhadap penterjemahan dan masalah penstandardan dalam kes (a) dan (c). Fitur-fitur ini memerlukan penelitian kerana ia dapat memberikan penjelasan terhadap sikap menentang terminologi tradisional. Anjakan paradigma dalam linguistik yang bergerak ke arah kognitivisme amat relevan dengan perbincangan ini.

(Myking, 2001:56).

Penulis berpandangan bahawa penjelasan Myking tidak begitu kukuh dan kemungkinan dihasilkan berdasarkan hakikat bahawa perbezaan pandangan dalam terminologi cenderung untuk diwakili bentuk dikotomi, yang sebenarnya mempermudah isu ini:

- a. Orientasi terminologi: *Perancangan bahasa lwn komunikasi khusus.*
- b. Jenis terminografi: *Pengkhususan tajuk lwn sistematik.*
- c. Kaedah orientasi: *Semasiologikal lwn onomasiologikal.*

Namun terdapat juga kebenaran dan kepentingan suara-suara yang menentang bahawa terdapat perbezaan konsepsi, titik tolak perbincangan yang berbeza, dan asas-asas yang berbeza bagi pendekatan teoretikal yang berbeza.

Pada tahun 1993, Laurén dan Picht telah melakukan usaha pertama untuk perbandingan teori. Dengan menggunakan kaedah koperatif, mereka meletakkan asas perbandingan berdasarkan persamaan atau percanggahan setiap kumpulan tentang konsepsi konsep, istilah yang digunakan, hubungan antara kedua-duanya, pendirian mereka tentang perancangan bahasa dan penstandardan, kedudukan terminologi dalam bidang sains dan lain-lain. Mengikut Budin, kesimpulan yang diperoleh oleh kedua-duanya adalah seperti yang berikut:

... teori dan mazhab yang telah dibandingkan (mazhab Vienna diwakili oleh Wüster dan Felber, mazhab Soviet dan Prague dan kumpulan

---

11 Penulis merujuk kepada "sosioterminologi" kumpulan Rouen yang mengkritik kumpulan Vienna Myking memberikan atribut kepada rasa tidak puas hati dengan polisi linguistik jumud di Perancis.

tradisional lain seperti Kanada, Jerman, Scandinavia dan usaha terkini dalam perekayasaan pengetahuan dan terminologi) memperlihatkan banyak persamaan, malah kewujudan mazhab-mazhab ini tidaklah begitu terpisah atau terpencil tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan tradisi penyelidikan yang berkongsi pandangan tentang andaian teoretikal dan perbezaan hanyalah dari segi keutamaan dan kepentingan penyelidikan yang dijalankan. Kesimpulannya, kita seharusnya memperkatakan satu teori terminologi yang dikongsi bersama dan disumbangkan dengan cara yang berbeza-beza (dalam pelbagai bahasa).<sup>12</sup>

(Budin, 2001:17).<sup>13</sup>

Teori yang dikembangkan selepas Wüster oleh pengikut “setia”nya memperlihatkan kecenderungan visi yang lebih luas. Untuk mengelakkan kekeliruan tentang teori Wüster, penulis teori tradisional Wüster yang telah dikembangkan oleh pengikutnya disebut sebagai Teori Umum yang Diperluas. Ciri-ciri teori ini dapat diperincikan seperti yang berikut:

- Satu platform teoretikal yang dicirikan oleh EKLEKTISISME.
- Satu set kanun epistemologi: KONSEP BEBAS.
- Satu kaedah operasional: ONOMASIOLOGI.
- Satu permasalahan yang didefinisikan: PENSTANDARDAN (Myking, 2001:6).

Sintesis yang telah dilakukan oleh Myking merupakan asas bagi teori tradisional yang diperluas dan memungkinkan kita merumuskan persoalan-persoalan yang berikut:

- Apakah premis yang dibentuk membenarkan pendekatan yang lebih luas?
- Apakah ia cukup luas untuk disesuaikan dengan aplikasi yang berbeza-beza yang diorientasikan ke arah perbezaan keperluan terminologikal?

Penulis yakin bahawa deskripsi yang dilakukan oleh Myking dapat menjustifikasikan langkah ke arah pembentukan satu teori terminologi yang akan menerima pakai data empirikal yang dihasilkan dalam banyak keadaan, dan pada masa yang sama, memberikan satu ruang untuk perbezaan

---

12 Agak dikesalkan apabila Budin tidak mengkhususkan sumbangan konkrit pengikut Wüster, walaupun dalam bidang kritikal, untuk dipadankan dengan paradigma asal.

13 Kita perhatikan bahawa isu ini dipindahkan kepada pengenalpastian dan penjelasan keperluan umum golongan profesional.



pandangan dan penentuan keutamaan bergantung pada keperluan. Pada pandangan penulis, bukanlah persoalan mempertahankan pendirian tetapi berusaha menganalisis sama ada idea yang telah dikembangkan selama ini cukup luas dan mencakupi data terminologikal dan fungsi keseluruhannya agar dapat membenarkan kita berbincang tentang satu teori terminologi yang disatukan. Dalam perbincangan ini, teori terminologi tradisional yang diperluas nampaknya memainkan peranan yang penting kerana jalinan dalaman, dan juga sesuai untuk membentuk nukleus asas berdasarkan teori yang diperkaya dengan unsur-unsur yang berasal daripada konsepsi dan keperluan. Bagi penulis, adalah wajar untuk membina asas yang lebih luas daripada memulakannya daripada teori yang terhad dan diperluas. Dalam skema teoretikal yang luas, perbezaan konsepsi dapat disesuaikan selagi tidak ada kontradiksi dalaman dan selagi data boleh dihuraikan. Pada tahap ini, penulis bersetuju dengan Budin yang mengatakan bahawa:

... kita mengharapkan kemunculan satu teori terminologi yang tunggal tetapi kolektif, mempunyai pelbagai wajah dan pelbagai dimensi, berasaskan kejayaan awal generasi penyelidik pertama, dan pada masa ini dengan adanya generasi muda penyelidik akan membawa banyak perkara yang boleh diperkatakan ...

(Budin, 2001:20).

## **5. Apakah jenis teori yang diperlukan bagi memenuhi keperluan semua terminologi?**

Buat permulaan, penulis merujuk kepada persoalan yang dinyatakan dengan jelas oleh Myking untuk menganalisis perbezaan pendekatan teoretikal terhadap terminologi. Beliau telah memberikan jawapan berdasarkan pendirian teoretikalnya dalam teori tradisional yang diperluas:

- Apakah wajar mengenal pasti terminologi tradisional berdasarkan preskriptivisme? (Myking, 2000:63).

Bukan bagi pengikut setia walaupun banyak alasan yang boleh diberikan.

- Apakah objektif preskriptif termasuk halangan kepada terminologi yang baik? (Myking, 2000:63).

Myking mengatakan bahawa walaupun beliau menyedari wujudnya konteks tertentu dalam perancangan bahasa (merujuk kepada bahasa Perancis), dimensi sosiolinguistik tidak diberikan penilaian yang sewajarnya dan penyatuan itu telah diperkukuh.

- Apakah terminologi tradisional telah terputus daripada masyarakat? (Myking, 2000:63).

Dari sudut pandangan pengikut setia, jawapannya ialah “Tidak”. Walaupun beliau menyedari bahawa hubungan ini belum dihuraikan dengan mencukupi ataupun telah diintegrasikan dengan memuaskan dalam teori terminologi. Akibatnya, hal ini memberikan kesan imej terminologi hanyalah merupakan satu “alat teknikal” semata-mata.

## **6. Apakah sumbangan penulis dalam perdebatan ini?/ Cadangan bagi satu teori yang diintegrasikan.**

### **6.1 Andaian**

Kita bermula daripada dua andaian. Pertama, terminologi pada masa ini merupakan satu keperluan, satu amalan untuk memenuhi keperluan tersebut, dan satu bidang ilmu pengetahuan yang disatukan.<sup>14</sup> Kedua, unsur dalam terminologi ialah unit terminologikal. Andaian ini dapat diperjelas seperti yang berikut.

Pertama, terminologi mengandaikan satu keperluan bagi semua kegiatan yang berhubungan dengan perwakilan dan pemindahan pengetahuan khusus seperti penterjemahan teknikal, pengajaran bahasa untuk tujuan khusus, penulisan teknikal, pengajaran subjek khas, dokumentasi, perancangan bahasa khusus, perancangan bahasa, penstandardan teknikal dan sebagainya. Kita menyedari bahawa semua kegiatan profesional tersebut berkait rapat dengan pengetahuan khusus yang memerlukan terminologi. Hal ini memang nyata sekali; istilah dalam konsep yang luas merupakan unit yang dapat memanipulasi pengetahuan dalam sesuatu subjek dengan berkesan.

Kedua, terminologi ialah satu aplikasi yang membenarkan perkembangan sesuatu produk yang khusus, bertujuan untuk memenuhi keperluan. Ciri yang paling utama bagi setiap produk ialah kesesuaian. Aplikasi terminologi mestilah diorientasikan ke arah penyelesaian satu keperluan khusus. Oleh itu, ia mestilah mengambil kira penerima dan kegiatan yang dirancang untuk dilaksanakan dengan kaedah aplikasi khusus tersebut.

Hal ini menyedarkan kita tentang beberapa perkara yang penting

---

14 Kita mungkin bersetuju dengan kesimpulan Laurén dan Picht (1993) bahawa sekiranya kedudukan yang dianalisis ialah golongan tradisional. Penulis tidak yakin kesimpulan yang sama dapat dicapai apabila lebih banyak kritikan terhadap kedudukan terkini dianalisis.

mengenai penstandardan glosari terminologi, iaitu keadaan setiap situasi yang menentukan jenis aplikasi (glosari, leksikon, kamus, perisian, teks, poster, standard, dan lain-lain dalam satu atau lebih bahasa); dan maklumat yang terkandung dalam aplikasi tersebut (terminologi, fraseologi, definisi, varian, konteks, fonetik atau perwakilan fonologikal, padanan bahasa asing, ilustrasi dan lain-lain) dan perwakilannya, malah kaedah penyebaran maklumat tersebut.

Ketiga, terminologi ialah satu disiplin ilmu. Oleh itu, ia merupakan satu keperluan asas tentang sesuatu objek pengetahuan. Teori terminologi mestilah mampu menghuraikan objek tersebut dan menyediakan kerangka metodologikal yang luas serta mencukupi di samping memasukkan amalan yang bertujuan untuk memuaskan keperluan yang pelbagai. Sekiranya kita menerima andaian bahawa terminologi ialah bidang pengetahuan tentang objek, persoalan seterusnya ialah apakah objek utama terminologi? Jawapannya ialah andaian kedua, iaitu unit terminologikal merupakan objek utama terminologi. Apakah pula yang dimaksudkan sebagai unit terminologikal, di manakah boleh kita menemukannya dan bagaimanakah kita dapat mengenal pastinya?

Unit terminologikal yang pelbagai wajah itu ialah unit yang sama bagi ilmu pengetahuan, unit bahasa, dan unit komunikasi. Berdasarkan pendekatan ini, penghuraian unit terminologikal seharusnya merangkumi tiga komponen: komponen kognitif, komponen linguistik, dan komponen sosiokomunikatif. Namun demikian, ketiga-tiga komponen tersebut tidak menunjukkan perbezaannya dengan unit bahasa seperti kata atau unit leksikal dalam penggunaan umum. Oleh itu, dalam usaha untuk mengesahkan unit terminologikal sebagai objek spesifik terminologi, kita perlu menunjukkan bahawa ia adalah khusus dan menjelaskan kekhususannya. Oleh itu, kita perlu menentukan syarat-syarat yang akan membezakannya. Sebaliknya, daripada satu unit bahasa pada aras struktural yang sama, misalnya kata, dan di pihak yang satu lagi ialah unit lain yang juga menjelaskan pengetahuan khusus, misalnya morfologikal, fraseologikal atau unit ayat yang khusus.

Kekhususan unit terminologikal yang berkontras dengan unit lain daripada aras struktural (kata), dan mempunyai mod makna yang sama menunjukkan ia memenuhi keperluan syarat terhadap dalam setiap konstituen komponen kognitif, gramatikal, dan pragmatik. Berasaskan sudut pemikiran yang sedemikian, kita menganggap unit terminologikal sebagai satu set syarat yang membezakannya daripada yang sama, tetapi terdiri daripada unit yang berbeza. Syarat-syarat ini bersumberkan tiga bidang, dari

perspektif komponen kognitif, syarat-syarat yang diperlukan ialah:

- a. Bergantung pada konteks tematik.
- b. Mengisi ruang tertentu dalam struktur konseptual.
- c. Makna spesifik ditentukan oleh kedudukannya dalam struktur.
- d. Makna secara eksplisit ditetapkan.
- e. Makna dianggap ciri unit.
- f. Tetap, dikenali pasti dan disebarakan dengan batuan pakar bidang dalam komuniti.

Daripada perspektif komponen linguistik, syarat-syarat yang diperlukan ialah:

- a. Merupakan unit leksikal, sama ada dari segi asal leksikal atau proses leksikalisasi.
- b. Mempunyai struktur leksikal dan sintaktik.
- c. Merupakan struktur leksikal yang mengeksploitasikan semua kaedah pembentukan kata dan proses pemerolehan unit baharu.
- d. Secara formal, mungkin berkebetulan dengan unit dalam wacana umum.
- e. Tentang kelas kata, ia wujud sebagai kata nama, kata kerja, kata adjektif atau adverba atau struktur nominal, kerjaan, adjektival atau adverbial.
- f. Tergolong dalam kategori semantik yang luas: entiti, peristiwa, sifat atau hubungan; kategori-kategori ini dan subkategorinya tidak semestinya menyingkirkan satu sama lain dan seharusnya diterima sebagai nilai semantik.
- g. Makna berasingan dalam subjek khusus.
- h. Makna diambil daripada set maklumat satu unit leksikal.
- i. Gabungan sintaktik dihadkan kepada asas prinsip penggabungan semua item leksikal dalam sesuatu bahasa.

Daripada perspektif komponen komunikatif, syarat-syarat yang diperlukan ialah:

- a. Berlaku dalam wacana khusus.
- b. Secara formal, ia bersesuaian dengan wacana berdasarkan ciri-ciri tematik dan fungsional.
- c. Berkongsi wacana khusus dengan unit yang dimiliki oleh sistem ikonik dan simbolik.
- d. Diperoleh melalui proses pembelajaran, dan dengan itu dikendalikan oleh pakar bidang.

- e. Secara asasnya bersifat denotatif (juga tidak mengecualikan konotasi).

## 6.2 Persoalan-persoalan

Setelah penulis menjelaskan andaian asas dan mengenal pasti objek bidang pengetahuan, penulis telah merumuskan beberapa persoalan tentang objek ini yang disenaraikan seperti yang berikut:

- Apakah objek utama pengetahuan terminologi sebagai satu bidang ilmu atau sebagai satu disiplin?
- Apakah sifat objek ini?
- Di manakah objek ini wujud dan bagaimanakah kita mengkajinya?
- Apakah aspek-aspek objek yang perlu dikaji?
- Apakah kaedah yang boleh digunakan untuk kajian tersebut?
- Apakah tujuan kajian?

## PERUMUSAN PROPOSISI

Setelah memperkatakan andaian dan keadaan unit yang telah dibentangkan, penulis akan menjawab persoalan yang dibangkitkan pada Bahagian 6.2 untuk menjelaskan asas teori terminologi berdasarkan linguistik yang dapat menghuraikan dan menjelaskan unit terminologi berlatarkan teoretikal yang agak luas sebagaimana yang telah digariskan.

***Soalan preliminari: Apakah asas penting bagi pendekatan teoretikal ini?***

Sebagaimana yang telah dijelaskan, kita bermula daripada asas teoretikal yang luas dan terintegrasi. Kita telah menangani persoalan unit terminologikal dari pelbagai sudut dan konsepsi asalkan kepelbagaian dimensi setiap unit itu dipertahankan. Untuk lebih spesifik, kita mendekati setiap unit melalui bahasa dan mengambil kira sudut pandangan teori bahasa natural.

***Soalan pertama: Apakah kerangka yang perlu digunakan untuk mengkaji unit terminologikal, objek teori terminologi?***

Unit terminologikal perlu dikaji dalam kerangka komunikasi khusus, yang dicirikan oleh keadaan luaran sebagai pengirim, penerima, dan medium komunikasi, dengan syarat-syarat dalam penerimaan maklumat, iaitu pengkategorian ringkas yang ditentukan secara luaran oleh struktur

konseptual, penentuan dan pengesahan oleh pakar komuniti, penerimaan topik secara spesifik dan dikontekstualkan, dan akhirnya syarat-syarat yang telah meneghadkan fungsi dan objektif komunikasi.

Dalam syarat-syarat ini, wacana khusus – yang cenderung kepada jenis teks tertentu dan struktur pengetahuan yang terkawal – dikenal pasti melalui persembahan maklumat yang sistematik, dan dua jenis fitur linguistik. Pertama, leksikal, iaitu unit eksklusif bagi topik, walaupun kekerapan lebih luas tetapi mempunyai makna yang terhad dalam konteks ini; kedua, tekstual yang mengandungi teks yang ringkas dan lebih padat dan ekspresi sistematik berbanding teks umum kerana bentuk struktur pengetahuan yang dikawal oleh makna konsep. Fitur tekstual ini dapat dilihat melalui pemilihan bentuk tatabahasa tertentu.<sup>15</sup>

Kerangka komunikatif luas ini memperlihatkan beberapa senario komunikasi dengan syarat utamanya ialah pemindahan pengetahuan khusus. Kerangka ini meliputi komunikasi dalam kalangan pakar, antara pakar dan separa pakar, antara pakar dan pelajar, dan juga popularisasi sains dan teknologi.<sup>16</sup>

***Soalan kedua: Di manakah boleh kita menemukan unit terminologikal ini?***

Sekiranya kita meletakkan terminologi dalam persekitaran komunikasi khusus dan mengetahui bahawa komunikasi ini dihasilkan dalam modaliti yang berbeza-beza, penemuan unit ini hanya berlaku dalam wacana yang lahir daripada situasi yang sedemikian. Wacana lisan atau tulisan oleh pakar yang dihasilkan secara langsung atau melalui bentuk perantaraan tertentu kepada kumpulan penerima khusus mengandungi bahan yang boleh ditemukan unit terminologikal tersebut. Korpus yang pelbagai ini diwakili oleh sampel wacana khusus dalam pelbagai bentuk.

***Soalan ketiga: Bagaimanakah kita mengenali unit terminologikal?***

Kita bermula dengan andaian bahawa wacana khusus mewakili struktur pengetahuan yang tersusun. Struktur ini boleh diwakili oleh peta konseptual yang terbentuk daripada nod pengetahuan yang diwakili pula oleh pelbagai

---

15 Untuk maklumat lanjut tentang fitur kepersisan, keringkasan dan sistematasi dalam teks khusus, lihat Cabré (1998, 2002a).

16 Penyebaran maklumat saintifik dan teknikal memerlukan pengetahuan perinci dalam erti kata pengirim mengawal makna istilah tertentu.

unit ekspresi, dan juga hubungan nod-nod tersebut.

Unit yang melahirkan pengetahuan khusus ini mungkin berbeza-beza, bergantung pada struktur morfologi dan sintaktik, golongan kelas kata dan semantik; mewakili pengetahuan nod struktur, dan mempunyai makna khusus dalam struktur ini. Dalam kalangan unit ini, dapat dikenal pasti unit terminologikal kerana terdapat keselarian dengan unit leksikal yang menduduki satu nod dalam struktur konseptual subjek bidang dan secara semantiknyanya, ia merupakan unit struktur yang minimum dan berautonomi. Di samping unit leksikal, terdapat beberapa jenis unit pengetahuan khusus, kebiasaannya unit morfologikal, fraseologikal, dan ayat. Sebagai rumusan, kita mengenali unit terminologikal daripada maknanya dalam sesuatu subjek bidang, struktur dalaman dan makna leksikal.

***Soalan keempat: Bagaimanakah kita menanggapi unit ini dalam teori linguistik?***

Dalam teori bahasa natural, unit terminologikal tidak ditanggap sebagai terpisah daripada kata yang merangkumi ruang leksikal penutur tetapi sebagai makna khas unit leksikal pada saat penutur bercakap. Hakikatnya, sekiranya kita menganalisis ciri-ciri fologikal, morfologikal, dan sintaktik unit terminologikal, kita tidak akan menemukan sebarang sifat yang dapat membezakannya daripada unit leksikal lain. Walau bagaimanapun, kita mengetahui bahawa ia berbeza dari segi dimensi semantik dan pragmatik. Oleh itu, kita boleh mengandaikan bahawa unit leksikal secara tersendiri bukanlah terminologikal atau umum, tetapi bersifat umum dan memperoleh makna khusus atau makna terminologikal apabila ia digerakkan oleh ciri pragmatik wacana. Makna ini bukanlah satu kumpulan maklumat yang telah diberikan definisi awal atau definisi yang telah tersedia tetapi lebih merupakan satu pemilihan khusus fitur semantik berdasarkan keadaan setiap tindakan tuturan. Pemilihan ini akan menjustifikasikan bahawa dalam sesebuah teori bahasa, kita akan merujuk unit terminologikal sebagai “unit makna khusus”. Oleh itu, setiap unit leksikal mempunyai potensi menjadi unit terminologikal.

Kita boleh menyimpulkan idea ini dengan mengatakan bahawa syarat-syarat bagi “unit terminologikal” diaplikasikan kepada unit leksikal tidak wujud sebelum penggunaannya dalam konteks komunikatif. Pandangan ini akan membenarkan kita mengambil kira persilangan semantik antara penerimaan unit leksikal yang sama mengikut penggunaannya. Hal ini juga akan menjelaskan bagaimana unit leksikal bergerak antara wacana umum

dengan wacana khusus dan bagaimana unit terminologikal bergerak dalam mandala yang berbeza-beza.

***Soalan kelima: Apakah teori bahasa yang diperlukan agar kita mengakuri prasyarat kedua, iaitu kepelbagaian dimensi objek?***

Konsepsi bahasa dalam teori linguistik perlu menimbangkan aspek kecekapan dan pelaksanaan di samping kepelbagaian dimensi bahasa, terpisah daripada status politik sosial. Kepelbagaian dimensi menjangkakan penerimaan bahawa bahasa tidak boleh diturunkan kepada tahap tatabahasa, misalnya menstruktur sistem yang merupakan asas kepada manifestasi linguistik. Di samping bersifat ketatabahasaan, bahasa juga merupakan sistem identiti, organisasi sosial dan penanda situasi politik dan ekonomi.

Justeru, hanya teori linguistik kognitif dan fungsional, misalnya teori di samping merangkumi tatabahasa, juga meliputi kedua-dua semantik dan pragmatik, berupaya menghuraikan kekhususan unit terminologikal, dan pada masa yang sama terdapat unsur yang sama dengan unit leksikal. Tambahan pula, pragmatik penting bagi menghuraikan pengaktifan makna terminologikal unit leksikal.

***Soalan keenam: Apakah tujuan utama kajian?***

Kita bermula dengan andaian bahawa satu teori merupakan usaha untuk menghuraikan dan menjelaskan satu fenomena, dan seterusnya hal ini tidak dihalakan kepada aplikasi praktikal. Oleh itu, kita tidak berkongsi idea dengan apa yang dihuraikan oleh Budin (2001:15) yang mengatakan bahawa alternatif pilihan kepada teori tradisional hanyalah berdasarkan perbezaan orientasi praktikal semata-mata. Namun begitu, dalam setiap disiplin atau kajian, sebarang pengetahuan yang berpusat kepada satu objek, pasti akan berusaha untuk menghuraikan dan menjelaskan objek tersebut. Ini bermakna aspek teoretikal kajian tersebut lebih cenderung kepada kemajuan ilmu pengetahuan. Sebaliknya, aspek terapan disiplin ini berkembang mengikut metodologi, berasaskan prinsip-prinsip teori yang membenarkan unjuran prinsip ini dalam aktiviti praktikal dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah dan membentuk sumber bagi keperluan perwakilan dan perhubungan dalam pengetahuan khusus.

***Soalan ketujuh: Bagaimanakah unit ini diperoleh?***

Pemerolehan natural unit terminologikal sesuatu subjek bidang oleh pelajar kebiasaannya berlaku dalam situasi pemindahan pengetahuan tentang



sesuatu subjek. Wacana merupakan persekitaran natural unit terminologikal, dan melalui wacana pengetahuan khusus dan unit ekspresi diperoleh.

Sekiranya kita menerima premis ini, kita juga harus menerima bahawa pemerolehan pengetahuan khusus berbeza dengan pemerolehan pengetahuan linguistik umum. Teori linguistik mengandaikan pemerolehan ini sebagai sifat nurani, dan perbezaan ini amat jelas sekali. Dengan mengandaikan unit terminologikal merupakan unit bahasa kerana ia dijelaskan sebagai makna unit leksikal, kita boleh menuntut bahawa makna khusus ini diperoleh melalui pemelajaran yang sistematik dalam persekitaran profesional. Hanya pengetahuan ini sahaja yang diperoleh oleh pelajar, bukan sebagai pengguna bahasa umum tetapi sebagai pelajar dalam persekitaran khusus yang berada di luar syarat-syarat bagi pemerolehan bahasa umum.

Hipotesis yang mengatakan bahawa unit terminologikal merupakan makna khusus unit leksikal tidak menjangkakan dalam kes-kes tertentu, sama ada ekspresi atau kandungan sesuatu unit tidak perlu dipelajari dengan lengkap, tetapi ia membuka pintu bagi penjelasan umum pemerolehan unit terminologikal yang meletakkan titik mulanya bahawa unit leksikal umum dan pengetahuan khusus telah diperoleh. Oleh itu, ia juga menjangkakan bahawa pemerolehan unit terminologikal sering bergantung pada prinsip pengetahuan, syarat-syarat dan batasan yang mengawal leksikon umum dan kadangkala bergantung juga pada pengetahuan unit leksikal sebelumnya, yang telah wujud dalam leksikon. Pemerolehan unit terminologikal merupakan satu kaedah penggunaan semula maklumat yang sedia ada dalam leksikon pelajar.

## KESIMPULAN

Konstruksi teori yang mencukupi untuk menghuraikan dan menjelaskan terminologi menjangkakan bahawa terminologi secara umumnya, dan unit-unitnya adalah multidimensi atau pelbagai dimensi dan disebabkan hal tersebut, kita perlu menghormati ciri kepelbagaian dimensi. Namun, agak mustahil untuk mendekati unit pelbagai dimensi yang mempunyai banyak wajah pada satu masa, pendekatan penulis adalah dengan membentuk kaedah yang terpisah bagi menilai unit tersebut.

Pemilihan satu titik laluan menjangkakan satu teori spesifik kepada “pintu” ini atau entri yang cukup luas untuk menghormati kepelbagaian dimensi objek. Dalam pendekatan ini, terminologi menjadi pusat ruang multidimensi dengan pelbagai titik laluan. Syarat bagi pendekatan ini adalah

untuk mengisyharkan titik laluan secara eksplisit dan koheren, dan mendokumenkan secara rinci proses penjelasan dan deskriptif yang perlu diambil untuk mencapai ruang yang dimaksudkan. Tampaknya, selain menghuraikan objek, kita memerlukan teori tentang unit terminologikal.

Penulis menyedari bahawa dalam terminologi, kita masih berada pada peringkat kolektif konstruksi teori. Dalam kerangka umum komunikasi khusus, teori ini mestilah dapat mengintegrasikan justifikasi asas, prinsip-prinsip, dan syarat-syarat yang menghuraikan unit terminologi dengan mencukupi, sifat dan ciri-cirinya, hubungan antara komponen intrinsik, fungsi, hubungan yang terjalin antara unit-unit tersebut dengan unit-unit pengetahuan khusus dan proses yang diikuti. Memang tidak diragukan lagi, daripada sumbangan ke arah kerjasama ini, satu model teoretikal bakal muncul tidak lama lagi.

## RUJUKAN

- Ahmad, K., "Special Texts and Their Quirks" dlm. *TAMA Proceedings*, hlm. 141–157, 1998. Vienna : TermNET.
- Antia, B.E., 2000. *Terminology and Language Planning: An Alternative Framework of Practice and Discourse*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins.
- Antia B.E., "Metadiscourse in Terminology : Thesis, Antithesis, Synthesis" dlm. *ITTF Journal* 12 :1–2, hlm. 65–84, 2001.
- Béjoint, H. dan Ph. Thoiron (ed.), 2000. *Le sens en terminologie*. Travaux du CRTT, Lyon: Presses universitaires de Lyon.
- Boulanger, J.-C., "Présentation: Images et parcours de la Socioterminologie". *Meta* 40:2, hlm. 194–205, 1995.
- Bourigault, D., Jacquemin, C. dan M.-C. L'Homme (ed.), 1998. *Computerm 98. First Workshop On Computational Terminology Proceedings*. Université de Montréal: Montréal.
- Budin, G., "A Critical Evaluation of the state-of-the-art of Terminology Theory" dlm. *ITTF Journal* 12 :1–2, hlm. 7–23, 2001.
- Cabré, M.T., 1992. *La terminologia. La teoria, els mètodes, les aplicacions*. Barcelone: Ed. Empúries.
- Cabré, M.T., "El discurs especialitzat o la variació funcional determinada per la temàtica" dlm. *Caplletra. Revista Internacional de filologia* 25, hlm. 173:194, 1998.
- Cabré, M.T., 1999a. *Terminology. Theory, Methods and Applications*. (diedit oleh Juan C. Sager dan diterjemah oleh Anne DeCesaris). Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins.
- Cabré, M.T., 1999b. *La terminologia: representación y comunicación. Elementos para una teoría de base comunicativa y otros artículos*. Barcelona : Institut

- Universitari de Lingüística Aplicada.
- Cabré, M.T. (ed.), 1999c *Terminología y modelos culturales*, Barcelona: Institut Universitari de Lingüística Aplicada.
- Cabré, M.T., 2002a. "Textos especializados y unidades de conocimiento" dlm. García Palacios, J. dan M.T. Fuentes (ed.), *Texto, terminología y traducción* (hlm.15–36). Salamanca: Ediciones Almar.
- Cabré, M.T., 2002b. "Análisis textual y terminología, factores de activación de la competencia cognitiva en la traducción" dlm. Alcina Caudet, A. dan S. Gamero Pérez (ed.), *La traducción científico-técnica y la terminología en la sociedad de la información* (hlm. 87–107). Castelló de la Plana : Universitat Jaume I.
- Cabré, M. T. dan J. Feliu (ed.), 2001a. *Terminología y cognición: II Simposio Internacional de Verano de Terminología (13–16 de julio 1999)*. Barcelona : Institut Universitari de Lingüística Aplicada.
- Cabré, M. T. dan J. Feliu (ed.), 2001b. *La terminología científico-técnica: reconocimiento, análisis y extracción de información formal y semántica*. Barcelona: Institut Universitari de Lingüística Aplicada.
- Cahiers de Linguistique Sociale* 18. 1991. Rouen : Les Presses de l'Université de Rouen.
- Gaudin, F., 1993. *Pour une socioterminologie: Des problèmes pratiques aux pratiques institutionnelles*. Rouen: Publications de l'Université de Rouen.
- Felber, H., (ed.), 1979. *Theory of Terminology and Terminological Lexicography*. Vienna/New York: Springer.
- Heid, U., 1999. "Extracting Terminologically Relevant Collocations from German Technical Texts" dlm. *Terminology and Knowledge Engineering Proceedings*, hlm. 242–255, Innsbruck, Austria.
- Kageura, K. "Toward the Theoretical Study of Terms – A Sketch from the Linguistic Viewpoint" dlm. *Terminology* 2:2, hlm. 239–258, 1995.
- Kageura, K., 1998/1999. "Theories 'of ' Terminology : A Quest for a Framework for the Study of Term Formation" dlm. *Terminology* 5 :1, hlm. 21–40, 1998/1999.
- Kageura, K., 2002. *The Dynamics of Terminology: A Descriptive Theory of Term Formation and Terminological Growth*. Amsterdam / Philadelphia: John Benjamins.
- Kewley – Draskau, J. dan H. Picht (ed.), 1992. *International Conference on Terminology Science and terminology Planning*, Riga.
- Kocourek, R., 1981. "Prerequisites for an Applicable Linguistic Theory of Terminology" dlm. *Actes du 5e Congrès de l'Association internationale de linguistique appliquée* (hlm. 216–228). Québec: Presses de l'Université Laval.
- Kuhn, T.S., 1962. *The Structure of Scientific Revolutions*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lara, F. "Concepts' and Term Hierarchy" dlm. *Terminology* 5:1, hlm. 59–76, 1998/1999.

- Lara, F., 1999. "Término y cultura : hacia una teoría del término" dlm. Cabré . T. (ed.), *Terminología y modelos culturales* (hlm.39–60). Barcelona: Institut Universitari de Lingüística Aplicada.
- Laur n, C. J. Myking dan H. Picht, 1998. *Terminologie unter der Lupe*. Vienna: TermNet.
- Laur n, C. dan H. Picht, 1993. "Vergleich der terminologischen Schulen" dlm. Laurén, C. dan H. Picht (ed.), *Ausgewählte Texte zur Terminologie* (hlm. 493–539). Vienna: TermNet.
- Myking, J., "Against Precipitivism? The 'Sociocritical' Challenge to Terminology" dlm. *IITF Journal* 12:1–2, hlm. 49–64, 2001.
- Rey, A., 1979. *La terminologie: noms et notions*. Paris : Presses universitaires de France.
- Rey, A., 1995. *Essays in Terminology* (diterjemah oleh Juan C. Sager). Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins.
- Rey, A., "Terminology between the Experience of Reality and the Command of Signs". *Terminology* 5:1, hlm. 121–134, 1998/1999.
- Riggs, F., 1984. *The CONTA Conference Proceedings of the Conference on Conceptual and Terminological Analysis in the Social Sciences*. Frankfurt : Indeks Verlag.
- Sager, J.C., 1990. *A Practical Course in Terminology Processing*. Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins.
- Sager, J.C., D. Dungworth dan P.F. McDonald, 1980. *English Special Languages: Principles and Practice in Science and Technology*. Wiesbaden: Oscar Brandstetter.
- Slodzian, M., "La V.G.T.T. et la conception scientifique du monde" dlm. *Le langage et l'homme* XXVIII (4), hlm. 223–232, 1993.
- Slodzian, M., "Comment revisiter la doctrine terminologique aujourd'hui?" dlm. *La banque des mots* 7, hlm. 11–18, 1995.
- Temmerman, R. "Why Traditional Terminology Impedes a Realistic Description of Categories and Terms in the Life Sciences" dlm. *Terminology* 5:1, hlm.77–92, 1998/1999.
- Temmerman, R., 200. *Towards New Ways of Terminological Description: The Sociocognitive Approach*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins.
- Terminologie et Intelligence Artificielle (TIA) Actes* (1995). Villeteuse, France.
- Terminologie et Intelligence Artificielle (TIA) Actes* (1997). Toulouse, France.
- Terminologie et Intelligence Artificielle (TIA) Actes* (1999). Nantes, France.
- Terminologie et Intelligence Artificielle (TIA) Actes* (2001). Nancy, France.
- Terminologies nouvelles (2000). "Terminologie et diversit culturelle" 21.
- Terminology*. 1998/1999. *International Journal of Theoretical and Applied Issues in Specialized Communication*, 5 (1).
- Terminology Science and Research*. 2001. 12–13 (1–2).
- Toft, B., 1998. "Terminologi og leksikografi: nye synsvinkler på fagene".

*LexicoNordica* 5: 91–105.

- Toft, B., 2001. "Review of 'Towards New Ways of Terminology Description; the Sociocognitive Approach' by Rita Temmerman 2000" dlm. *Terminology* 7:1, hlm.125–128, 2001.
- Toulmin, S.E., 1953. *The Philosophy of Science*. London: Hutchinson.
- Wüster, E., 1974. *The Machine Tool. An interlingual dictionary of basic concepts*, London : Technical Press.
- Wüster, E., 1968. "Die allgemeine Terminologielehre – Ein Grenzgebiet zwischen Sprachwissenschaft, Logik, Ontologie, Informatik und den Sachwissenschaften" dlm. *Linguistics* 119, hlm. 61–106, 1968.
- Wüster, E., 1979. *Einführung in die allgemeine Terminologielehre und terminologische Lexikographie*. Vienna/New York: Springer.
- Zawada, B.E. dan P. Swanepoel, 1994. "On the Empirical Inadequacy of Terminological Concept Theories: A Case for Prototype Theory" dlm. *Terminology* 1:2, hlm. 253–275, 1994.

Makalah ini diterjemah oleh Puteri Roslina Abdul Wahid.